



Anwar pada Sidang Kemuncak G20 di Johannesburg.

(Foto BERNAMA)

# Mesir minta Malaysia bersama anjur sidang bina semula Gaza

Anwar sifatkan persidangan cadangan baik, sedia beri sokongan penuh

Oleh Siraranjit Singh  
bhnews@bh.com.my

**Johannesburg:** Mesir meminta Malaysia untuk bersama-sama negara itu menganjurkan satu persidangan antarabangsa mengenai pelan pembinaan semula Gaza, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, perkara itu disampaikan kepada beliau oleh rakan sejawatnya dari Mesir, Mostafa Madbouly, di sela-sela Sidang Kemuncak Kumpulan 20 (G20) di sini, kelmarin.

Anwar berkata, Mostafa menyampaikan salam daripada Presiden Mesir, Abdul Fattah el-Sisi sebelum memaklumkan kepadanya mengenai persidangan yang dirancang dan bagaimana Malaysia seharusnya terbabit dalam penganjuran persidangan itu.

"Beliau meminta kita bukan sahaja menghadiri persidangan itu, tetapi juga menganjurkannya secara bersama.

"Saya memberitahu beliau bahawa saya akan meminta Kementerian Luar menelitinya dengan

terperinci sebelum saya dapat memberikan jawapan," katanya.

Perdana Menteri menyifatkan persidangan yang dirancang itu adalah satu cadangan yang baik dan Malaysia walaupun terletak agak jauh dari Asia Barat, akan memberikan sokongan penuh dan menghadirinya.

"Apa yang boleh saya katakan, setakat ini rancangan mereka adalah untuk mendapatkan kerjasama negara Arab dan negara Islam lain, bersama Amerika Syarikat (AS) Bagi memastikan pembinaan semula Gaza dapat dilaksanakan secara menyeluruh," katanya.

Portal berita Mesir, *Ahram Online*, melaporkan Mostafa mengumumkan Mesir sedang bersedia menjadi tuan rumah kepada satu persidangan antarabangsa mengenai pemulihan awal dan pembinaan semula Gaza.

## Mesir jadi tuan rumah

Mostafa menyatakan kesediaan negaranya untuk menjadi tuan rumah dan menjemput negara peserta untuk mengambil bahagian secara aktif dalam acara itu.

Perang dan pembunuhan beramai-ramai oleh Israel di Gaza yang berlarutan selama dua tahun, meragut hampir 70,000 nyawa rakyat Palestin dan mencederakan lebih 173,000 orang, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak, turut merosakkan serta memusnahkan 83 peratus

rumah dan bangunan di wilayah itu, yang meninggalkan 61 juta tan serpihan.

## Kukuh hubungan India

Sementara itu, Anwar juga berkata, beliau dan Perdana Menteri India, Narendra Modi menegaskan komitmen untuk terus memperkukuh hubungan dua hala, terutama dalam bidang ekonomi, perdagangan, pendidikan serta teknologi baharu yang mampu menyemarakkan ruang kerjasama lebih luas antara kedua-dua negara.

"Saya sempat bertukar pandangan secara ringkas dengan Perdana Menteri India semasa kami menghadiri Sidang Kemuncak G20.

"Kami menegaskan komitmen untuk terus memperkukuh hubungan dua hala, terutama dalam bidang ekonomi, perdagangan, pendidikan serta teknologi baharu yang mampu menyemarakkan ruang kerjasama lebih luas antara kedua-dua negara sahabat," kata beliau dalam satu sidang media di sini.

Sementara itu, dalam satu hantaran di Facebook, Modi berkata, India dan Malaysia akan terus bekerjasama untuk mempelbagaikan kerjasama dua hala.

"Saya bertukar-tukar pandangan sangat baik dengan Perdana Menteri Anwar Ibrahim. India dan Malaysia akan terus bekerjasama mempelbagaikan kerjasama dua hala," katanya dalam satu hantaran di Facebook.